




MINISTRY OF HEALTH  
SINGAPORE



Jumlah bayaran	\$41,868.20
Tempoh penginapan	28 hari (termasuk 6 hari dalam ICU)
Subsidi pemerintah	\$35,081.31
Jumlah bil selepas subsidi	\$6,786.89
MediShield yang dibayar	\$6,024.78
Jumlah Medisave yang dituntut	\$748.81
Jumlah yang dibayar dengan wang tunai	<b>\$13.30</b>
Peratusan yang dibayar oleh pesakit dengan wang tunai: 0.2%	

# Memberi Bantuan Besar

Dengan subsidi Pemerintah, Medisave dan MediShield, atendan kesihatan, Cik Tamil Maney hanya membayar \$13.30 dengan wang tunai bagi bil hospital ibu mentuanya yang mencecah hampir \$42,000.

Cik Shanmuga Thayee (bawah, kiri) menangis apabila mengetahui bahawa beliau memerlukan pembedahan pintasan jantung (bypass operation). Bukan kerana beliau takut menemui ajal, tetapi kerana bimbang tentang bil hospital yang besar.

Cik Shanmuga menghidap penyakit kencing manis, tekanan darah tinggi dan kegagalan ginjal dan turut mengalami kesukaran bernafas. Saluran arterinya juga 75 peratus tersumbat.

Doktor telah memaklukkannya bahawa kemungkinannya untuk terus hidup adalah 50-50.

Disebabkan kebimbangannya terhadap bil hospital, beliau berasa berat hati untuk menjalani pembedahan bagi penyakitnya.

Suri rumah berusia 61 tahun itu memberitahu anak lelakinya, yang ditimpa penyakit barah dan menantu perempuannya, yang merupakan satu-satunya pencari nafkah ketika itu, bahawa beliau lebih suka mati daripada membebankan mereka dengan bil hospital besar.

Namun, menantunya, Tamil Maney, 42 tahun, yang bekerja sebagai atendan kesihatan di sebuah hospital dengan gaji yang dibawa pulang sebanyak \$600 sebulan, meyakinkan Cik Shanmuga untuk menjalani pembedahan tersebut.

"Saya memberitahunya bahawa yang penting ialah nyawanya. Kami mungkin tidak mempunyai wang buat masa ini, tetapi ada penyelesaiannya," kata Cik Maney ketika berkongsi kisahnya. Para pekerja perubatan sosial juga meyakinkan keluarganya bahawa bantuan akan diberikan.

Selepas pembedahan tersebut, Cik Shanmuga menetap selama 28 hari di wad Kelas C dari Februari hingga Mac tahun lalu, termasuk enam hari dalam unit jagaan rapi (ICU).

Jumlahnya bilnya mencecah \$41,868.

Bagaimanapun, subsidi murah hati bagi wad Kelas C mengurangkan bilnya kepada sekitar \$6,786. Selepas bayaran MediShield dan p potongan Medisave, Cik Maney hanya membayar \$13.30 bagi bil hospital ibu mentuanya.

Deductible bagi MediShield juga tidak dikenakan (bayaran tunai yang perlu dilunaskan pesakit sebelum MediShield berkuat kuasa) kerana ia sudah dibayar semasa rawatan hospital Cik Shanmuga sebelum ini dalam tahun yang sama. Deductible bagi MediShield sebanyak \$1,000 bagi Kelas C hanya dibayar sekali sahaja dalam tahun polisi insurans.

Kata Cik Maney: "Saya membeli MediShield untuk ibu mentua saya tujuh tahun lalu dan ia adalah satu keputusan yang betul. Saya bersyukur kerana memiliki Medisave dan MediShield. Tanpanya, kami mungkin tidak mampu membayar bil perubatan ini.

"Saya amat gembira kami memiliki kedua-duanya yang dapat menyokong kami. Sewaktu kita muda dan mengalami penyakit kecil seperti flu, kita tidak terfikir bahawa kita memerlukannya. Bagaimanapun, penyakit seperti barah, kegagalan ginjal dan pelbagai penyakit jangka panjang boleh menimpa pada bila-bila masa. Kini, saya faham betapa bermanfaatnya skim-skim ini.

"Saya berasa sungguh bertuah. Ibu mentua saya bertambah sihat selepas pembedahannya dan dia kini agak berdikari."

Subsidi dan Medisave juga membantu mengurangkan beban rawatan kemoterapi untuk suami Cik Maney yang ditimpa penyakit barah.

Cik Maney menambah bahawa disebabkan ibu mentuanya menetap di wad Kelas C, beliau menikmati

**Saya bersyukur kerana memiliki Medisave dan MediShield. Tanpanya, kami mungkin tidak mampu membayar bil perubatan ini.**

— CIK MANEY

subsidy 80% dan ini banyak mengurangkan bil hospitalnya.

"Ibu mentua saya sebenarnya lebih suka wad Kelas C kerana terdapat pesakit-pesakit lain yang dapat menemani dan bergaul dengannya!" ujar Cik Maney.

Keluarga tersebut juga mendapati bahawa para doktor dan jururawatnya bersikap amat profesional.

"Mereka menjawab semua pertanyaan kami dengan penuh kesabaran," kata Cik Maney.

"Doktor sendiri yang menghubungi kami untuk menjelaskan beberapa perkara tertentu. Mereka melayani semua pesakit mereka secara saksama, walaupun ibu mentua saya berada dalam wad Kelas C."

Dengan subsidi besar, kebanyakan bil Kelas C amat termampu – saiz bil median bagi wad Kelas C ialah \$580. Hanya sebilangan kecil bil, seperti bil Cik Shanmuga, adalah tinggi. Meskipun begitu, dengan MediShield dan Medisave, kebanyakan pesakit hanya perlu membayar jumlah kecil dengan wang tunai mereka.

Untuk memastikan bahawa bil termampu, subsidi pesakit langsung sebanyak \$1.5 bilion telah diberikan dalam 2006 dan jumlah ini dijangka melebihi \$2 bilion setahun menjelang 2012.

Untuk membantu para pesakit seperti Cik Shanmuga, Kementerian Kesihatan kini menyarankan ujian kemampuan sebagai cara menumpukan subsidi kepada kumpulan pendapatan rendah.

Pemerintah akan terus memperbaiki dan meningkatkan wad-wad bersubsidi. Sebahagian besar daripada pesakit Kelas B2 dan C akan terus menikmati kadar subsidi yang diberikan ketika ini.

Ujian kemampuan akan hanya menjejaskan sebilangan kecil kumpulan pendapatan pertengahan atasan dan pendapatan tinggi yang memilih wad Kelas B2 atau C, walaupun mereka mampu kelas-kelas wad lebih tinggi.

Memandangkan kita semua mempunyai peranan untuk dimainkan bagi memastikan penjagaan kesihatan sentiasa termampu, adalah penting kita mencarum kepada Medisave dan MediShield.

"Penyakit boleh berlaku pada bila-bila masa, malah kepada orang muda. Oleh itu, adalah penting untuk memiliki Medisave dan MediShield," kata Cik Maney. "Saya gembira saya telah membeli MediShield untuk ibu mentua saya."